

# ELOMET<sup>®</sup> LOTION

Mometasone Furoate (0.1% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan ELOMET LOTION
2. Bagaimana ELOMET LOTION berfungsi
3. Sebelum menggunakan ELOMET LOTION
4. Cara menggunakan ELOMET LOTION
5. Semasa menggunakan ELOMET LOTION
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan ELOMET LOTION
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan ELOMET LOTION

ELOMET LOTION digunakan untuk mengurangkan keradangan dan kegatalan yang disebabkan oleh keadaan yang tertentu pada kulit, termasuk kulit kepala, yang berkesan dirawat dengan ubat kortikosteroid.

## Bagaimana ELOMET LOTION berfungsi

ELOMET LOTION tergolong ke dalam kumpulan ubat kortikosteroid topikal.

Mometasone furoate bertindak menentang keradangan, mengurangkan rasa gatal dan menyempitkan salur darah.

## Sebelum menggunakan ELOMET LOTION

- Bila tidak boleh menggunakan  
Jangan gunakan ELOMET LOTION jika anda alah (hipersensitif) terhadap mometasone furoate atau mana-mana bahan lain di dalam ELOMET LOTION ataupun terhadap ubat lain yang serupa dengannya.

Kesan sampingan yang boleh berlaku apabila menggunakan kortikosteroid yang dimakan atau disuntik boleh juga berlaku apabila menggunakan kortikosteroid yang disapukan pada kulit, terutamanya bagi bayi dan kanak-kanak.

Tanya doktor atau ahli farmasi jika anda kurang pasti.

## - Sebelum mengambil ELOMET LOTION

### **Bagi wanita yang hamil atau yang sedang menyusukan anak dengan susu badan**

Anda harus beritahu doktor jika anda hamil atau sedang menyusukan anak dengan susu badan, sebelum anda menggunakan ELOMET LOTION.

- Jika menggunakan ubat-ubat lain  
**Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang menggunakan krim, salap atau losen lain ataupun jika anda sedang memakan ubat lain. Ini merangkumi ubat yang anda peroleh tanpa preskripsi di farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.**

## Cara menggunakan ELOMET LOTION

- Berapa banyak harus digunakan  
Gunakan ELOMET LOTION tepat-tepat seperti yang diarahkan oleh doktor. Tanyalah doktor atau ahli farmasi jika anda kurang pasti.

Gosokkan beberapa titis ELOMET LOTION perlahan-lahan ke dalam kawasan kulit yang terjejas, termasuk kulit kepala, sehingga ubat itu diserap.

Penggunaan kortikosteroid pada kanak-kanak hendaklah dihadkan kepada amaun serendah-rendahnya yang dapat memberikan kesan yang diinginkan.

- Bila perlu digunakan  
Sapukan ELOMET LOTION perlahan-lahan sekali sehari.

- Berapa lama perlu digunakan  
Gunakan ELOMET LOTION tepat-tepat seperti yang diarahkan oleh doktor. Tanya doktor atau ahli farmasi jika anda kurang pasti.

- Jika terlupa menggunakan  
Jika anda terlupa menggunakan losen ini pada waktu yang sepatutnya, gunakan sebaik sahaja anda ingat, kemudian teruskan seperti biasa.

- Jika menggunakan berlebihan (terlebih dos)  
Anda harus beritahu doktor jika anda menggunakan ELOMET LOTION lebih kerap daripada yang sepatutnya, ataupun pada kawasan kulit yang luas atau untuk terlalu lama, kerana kemungkinan krim ini meresap ke dalam kulit dan kemungkinan berlakunya kesan sampingan akan meningkat dan boleh menjejaskan beberapa hormon anda ataupun gula di dalam darah atau air kencing. Kesan-kesan ini lebih mudah berlaku pada bayi dan kanak-kanak kerana mereka mempunyai nisbah keluasan kulit kepada jisim badan yang lebih tinggi. Rawatan jangka panjang boleh melambatkan tumbesaran dan perkembangan mereka.

## Semasa menggunakan ELOMET LOTION

- Perkara yang perlu dilakukan  
**Beritahu semua doktor dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan ELOMET LOTION.**

**Jika kulit anda menjadi renga atau sensitif selepas menggunakan ELOMET LOTION, berhenti**

# ELOMET<sup>®</sup> LOTION

Mometasone Furoate (0.1% w/w)

menggunakannya dan beritahu doktor.

**Hubungilah doktor jika anda mengalami penglihatan yang kabur atau gangguan penglihatan yang lain.**

**Beritahu doktor jika anda rasa bahawa ELOMET LOTION tidak membantu penyakit anda atau jika penyakit pada kulit anda itu bertambah teruk.**

**Tanya doktor sebelum menutup bahagian yang dirawat dengan pembalut atau plaster.**

**Jika anda rasa anda terkena jangkitan pada kulit semasa menggunakan ELOMET LOTION, beritahu doktor kerana doktor mungkin perlu memberi anda ubat lain untuk digunakan.**

**Beritahu doktor jika anda tidak menggunakan ELOMET LOTION seperti yang telah diarahkan, atas apa-apa sebab.**

Jika tidak, doktor mungkin menganggap bahawa ubat ini tidak berkesan dan menukar rawatan anda sedangkan sebenarnya tidak perlu.

*- Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Jangan gunakan ELOMET LOTION di bawah pembalut luka yang tertutup rapat ataupun pada bahagian kulit yang luas kecuali diarahkan oleh doktor.

Jangan gunakan ELOMET LOTION di dalam mata atau berhampiran mata.

Jangan berikan ELOMET LOTION kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

Jangan gunakan ELOMET LOTION untuk merawat penyakit lain kecuali diarahkan oleh doktor.

Doktor mempreskripsikan ELOMET LOTION khususnya untuk merawat penyakit yang anda hidapi ini. Jika anda menggunakannya untuk merawat penyakit lain, ubat ini mungkin tidak berkesan ataupun mungkin memburukkan penyakit itu.

*- Perkara yang perlu diberi perhatian*

Jangan gunakan ELOMET LOTION pada bahagian kulit yang oklusif dan bergesel seperti pada ketiak atau di lipatan paha kecuali diarahkan oleh doktor.

Jangan gunakan KRIM ELOMET pada muka kecuali diarahkan oleh doktor.

Jika penyakit anda tidak bertambah baik selepas seminggu, beritahu doktor.

### **Kesan-kesan sampingan**

Sama seperti semua ubat lain, ELOMET LOTION boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang akan mengalaminya.

Beberapa orang mungkin mengalami beberapa kesan sampingan yang berikut selepas menggunakan ELOMET LOTION:

- tindak balas alergi (alahan) pada kulit
- jangkitan sekunder
- jerawat
- radang folikel rambut
- kulit menjadi nipis
- tanda-tanda merah yang berkait dengan ruam panas
- warna kulit menjadi pudar
- rasa pedih
- gatal-gatal
- pertumbuhan rambut yang berlebihan

- kulit menjadi lembut dan menampakkan tanda regang
- Penglihatan kabur

Kesan sampingan lain yang boleh berlaku apabila menggunakan kortikosteroid topikal ialah kulit menjadi rengsa, kulit menjadi radang disebabkan alahan sentuh, dan ruam di keliling mulut.

Jika mana-mana kesan sampingan menjadi serius, atau jika anda perhatikan kesan sampingan yang tidak tersenarai di dalam risalah ini, beritahu doktor atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [*Consumers* → *Reporting side effects to Medicines (ConSERF)* or *Vaccines (AEFI)*]

### **Cara penyimpanan dan pelupusan ELOMET LOTION**

*- Penyimpanan*

Simpan pada suhu yang kurang daripada 30°C.

Jauhkan daripada kanak-kanak.

Jangan gunakan ELOMET LOTION selepas tarikh tamat tempoh yang tercetak pada bungkusannya.

*- Pelupusan*

Jangan buang ubat bersama-sama air sisa atau sampah dari rumah. Tanya ahli farmasi tentang cara membuang ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah begini akan membantu memelihara alam sekitar.

### **Maklumat lanjut**

*- Rupa dan warna produk*

ELOMET LOTION ialah losen yang tidak berwarna ataupun berwarna kuning keputih-putihan. ELOMET

# ELOMET<sup>®</sup> LOTION

Mometasone Furoate (0.1% w/w)

---

LOTION disediakan di dalam botol  
30ml.

- *Bahan-bahan kandungan*

- Bahan aktif: Setiap gram ELOMET  
LOTION mengandungi 1mg  
mometasone furoate

- Bahan tidak aktif: Isopropyl  
alcohol, hydroxypropyl cellulose,  
sodium phosphate monobasic  
dihydrate, propylene glycol, air yang  
ditulenkan dan phosphoric acid, jika  
diperlukan, untuk menyesuaikan pH.

- *Nombor MAL:*

MAL19940137AZ

**Pengilang:**

Organon Heist bv  
Industriepark 30,  
2220 Heist-op-den-Berg,  
Belgium.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Organon Malaysia Sdn. Bhd.  
3A-08-02, Level 8,  
Corporate Tower 3A,  
Pavilion Damansara Heights,  
No. 3, Jalan Damanlela  
50490 Kuala Lumpur,  
Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

16/01/2026(berdasarkan version 082017)